

23/11/1997

Peranan wanita nelayan ditingkatkan

Nik Yahya Abd Rahman

WANITA mempunyai peranan yang besar bukan sahaja dalam pembangunan sesebuah keluarga malah, negara.

Bak kata pujangga tersohor Indonesia, Dr. Hamka "tangan yang menghayun buai itu bisa menggoncang dunia".

Sesiapa pun tidak menafikan yang peranan wanita begitu penting dan terbukti sebagai penggerak minda dan pemangkin usaha sesebuah keluarga, masyarakat, pertubuhan dan negara.

Wanita hari ini bukan lagi dilabelkan sebagai "raja di dapur" dan mampu mendidik dan membesarkan anak-anak sahaja tetapi adalah satu aset yang bernilai di dalam merangsang sesuatu program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Sehubungan itu, pihak kerajaan telah mengambil pelbagai langkah sesuai bagi mempertingkatkan daya produktiviti serta kesejahteraan golongan wanita. Program berkenaan termasuklah kepada isteri-isteri dan anak-anak perempuan nelayan.

Salah satu langkah yang berkesan yang telah diambil kerajaan ialah penubuhan gerakan Kumpulan Wanita Nelayan (Kunita) oleh Lembaga Kemajuan Iklan Malaysia (LKIM) sejak tahun 1983 dengan melibatkan Persatuan-Persatuan Nelayan Kawasan (PNK).

Program ini dilaksanakan di bawah aktiviti pembangunan masyarakat nelayan agensi berkenaan yang menitikberatkan tentang urusan keluarga.

Kunita diketuai oleh seorang pengerusi dengan dibantu beberapa orang ahli jawatankuasa dengan diselia oleh Pengurus PNK di mana pertubuhan berkenaan diwujudkan.

Pelbagai nama diberikan termasuklah, Kunita Mekar Sejangkak, Kunita Semarak Kasih dan Kunita Titian Murni.

Pengerusi LKIM, Datuk Zakaria Said menjelaskan bahawa Kunita telah menjalankan pelbagai aktiviti sama ada bercorak ekonomi mahupun sosial sejak pertubuhan berkenaan diwujudkan.

Katanya, pembiayaan kegiatan Kunita diperolehi melalui peruntukan LKIM yang disalurkan kepada Tabung Kunita melalui peruntukan Pembangunan Keluarga Nelayan.

"Bagi LKIM, wanita dan anak-anak nelayan adalah pendorong utama, di samping mereka juga adalah juruwang sesebuah keluarga," jejas Zakaria lagi.

Sehingga kini terdapat 88 buah Kunita di seluruh negara dengan keahliannya sebanyak 2,920 orang.

Mengenai matlamat Kunita pula, Zakaria memberitahu yang pihak LKIM menekankan ke arah mewujudkan keluarga bahagia, di samping menanam sikap penyayang dengan berpegang kepada etika serta nilai-nilai murni keagamaan. Mereka juga bertumpu kepada kegiatan ekonomi PNK setempat berasaskan kepada tabungan, perniagaan dan pelaburan.

"Sebenarnya, program Kunita memenuhi hasrat yang terkandung di dalam Dasar Wanita Negara (DWN) 1989 yang menekankan kepada peningkatan panglibatan wanita sebagai penyumbang ke arah pembangunan dalam jangka masa panjang," ujarnya lagi.

Pegawai Petugas Kunita LKIM, Rohana Rahmad pula memberitahu di antara aktiviti yang dilaksanakan oleh Kunita termasuklah, kelas masakan, jahitan, sulaman, kraftangan, hasil-hasil perikanan, pemprosesan hasil laut (keropok, belacan, cincaluk, bebola ikan dan sate ikan), medan ikan bakar, restoran nelayan, mengecat batik, pembuatan kuih-kuih tradisional

serta kedai alat tulis.

Rohana menjelaskan bahawa bilangan (pernyertaan) isteri dan anak-anak perempuan nelayan adalah lebih kecil berbanding dengan jumlah PNK yang ada, namun angka itu akan terus ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Kempen atau majlis penerangan sedang dilaksanakan untuk menggalakkan PNK-PNK mewujudkan pertubuhan Kunita masing-masing.

Beliau juga berkata, kebanyakan Kunita yang ditubuh telah bergerak maju dengan aktiviti mereka dan memberikan pulangan yang lumayan kepada peserta.

Contohnya, tambah beliau Kunita PNK Langkawi, Kedah dan Kunita PNK Matang, Perak dengan aktiviti pemprosesan sos cili, pembuatan keropok dan mengecat batik yang menguntungkan dan mendapat sambutan baik di kalangan pengguna.

Rohana memberitahu lagi bahawa terdapat pertubuhan berkenaan yang masih lemah dan perlu dibimbing oleh pengurusan PNK berkaitan.

Katanya, pihak LKIM memandang serius perkara tersebut dan mengatasi secara berperingkat-peringkat dengan tumpuan diberi kepada yang menghadapi masalah termasuk dari aspek kemahiran sesuatu bidang yang diceburi ataupun pemasaran yang dihasilkan oleh mereka.

Apabila ditanya mengenai masa depan Kunita Zakaria pula memberitahu bahawa LKIM akan memberikan tumpuan kepada pertubuhan ini.

Katanya LKIM juga mendapat kerjasama penuh dari pihak Kementerian Pertanian, jabatan/agensi di bawahnya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) yang turut membimbing Kunita di dalam aktiviti ekonomi dan sosial.

Zakaria seterusnya berharap Kunita supaya terus maju dan memberikan sumbangan ke arah pembangunan masyarakat setempat, terutama memperkukuhkan kedudukan ekonomi rumah tangga ahli.

Peranan mereka adalah sebagai suatu `nekliis' kepada kemajuan pembangunan masyarakat luar bandar yang bersesuaian dengan harapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui program "satu kampung satu produk (SKSP)," ujarnya serius.

(END)